

Bukan banjir kilat pertama



Yasmawati (kiri) dan Ramli melihat laluan air longkang yang baru dikorek bagi mengelak limpahan ketika hujan lebat.

SINAR HADIAN

03/1/2009

KUANTAN - Rumah dimasuki air setiap kali hujan lebat bukan pertama kali dialami beberapa penduduk di Lorong Sungai Isap Perdana 15 dan 16, Perkampungan Sungai Isap, di sini.

Difahamkan, masalah dialami sejak tiga bulan lalu itu berpunca daripada aliran longkang tersekat susulan kerja naik taraf parit di situ.

Seorang penduduk, Yasmawati Yusop, 49, berkata, sebelum kerja-kerja

naik taraf parit tersebut, aliran air longkang lancar.

“Sejak tiga bulan lalu keadaannya bertambah rumit apabila kerja naik taraf parit berdekatan itu mula memberi kesan kerana longkang di Lorong Sungai Isap Perdana 15 dan 16. Keadaan ini merisaukan kami,” katanya.

Katanya, dia sudah beberapa kali membuat aduan kepada pihak bertanggungjawab.

Sementara itu, Ramli Mohammad, 55, berkata, banjir kilat boleh menimbul-

kan masalah, justeru dia sentiasa berjaga-jaga setiap kali hujan lebat.

“Saya harap sebarang pembinaan dijalankan, perlu ada pelan bagi membantu mengurangkan risiko dihadapi penduduk setempat,” katanya.

Dalam pada itu, keadaan di kawasan itu bertambah baik apabila kerja membina longkang sementara giat dijalankan bagi mengalirkan air yang bertakung di lorong 15 dan 16.